

36

Penggunaan Rutin Berfikir Mata Kompas dalam Pengajaran Penulisan E-mel Tidak Rasmi

Sri Nabilah Basri

sri_nabilah_basri@moe.edu.sg


Siti Sapiya Mohamad Sumri

siti_sapiya_mohamad_sumr@moe.edu.sg

Abstrak

Pelajar Menengah 1 menghadapi cabaran dalam penulisan e-mel tidak rasmi. Ramai dalam kalangan pelajar yang masih belum dapat menulis e-mel tidak rasmi dengan baik. Sehubungan itu, rutin berfikir Mata Kompas dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas ini diperkenalkan agar para pelajar dapat menggunakannya sebagai alat bagi proses berfikir secara kritis dan menyusun idea atau respons mereka secara berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan 52.6% pelajar Menengah 1 aliran Normal Akademik dan 48% pelajar daripada aliran Ekspres kohort 2017 telah berjaya meraih markah yang lebih baik setelah menerapkan rutin berfikir Mata Kompas dalam merancang penulisan e-mel tidak rasmi.

Kata Kunci: rutin berfikir Mata Kompas, pemikiran kritis, E-mel, proses berfikir, menyusun idea



PENGENALAN

Pelajar sering beranggapan bahawa penulisan e-mel tidak rasmi lebih mudah daripada penulisan e-mel rasmi. Sebilangan besar pelajar mengatakan bahawa penulisan e-mel tidak rasmi tidak mempunyai tuntutan yang berat, iaitu pelajar tidak terikat dengan sebarang format penulisan kerana soalan e-mel tidak rasmi lazimnya berbentuk tidak formal dan berstruktur bebas. Namun, kelakonan mereka dalam menulis e-mel tidak rasmi menunjukkan hal yang sebaliknya.

Tanggapan seperti inilah yang menyebabkan sejumlah besar pelajar tidak mampu menghuraikan jawapan bagi soalan e-mel tidak rasmi dengan cemerlang. Namun begitu, menurut Arthur L. Costa (2000), "*an amazing discovery about the human brain is its plasticity*" – atau penemuan hebat tentang otak manusia adalah keanjalan penggunaannya. Maksudnya, minda manusia mempunyai potensi untuk digunakan seluas mungkin. Lantas, salah tanggapan pelajar tentang penulisan e-mel tidak rasmi ini boleh diubah seandainya guru menggunakan rutin berfikir yang disarankan melalui Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) bagi mengasah kemahiran berfikir yang boleh dimanfaatkan pelajar bagi mengatasi masalah ini. Perkara ini juga yang ditekankan oleh Shari Tishman (2000), pendidikan dalam era ini menuntut agar pelajar diajarkan secara jelas bagaimana cara melaksanakan sesuatu, tidak cukup hanya dengan sekadar tahu apa yang perlu dilaksanakan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar menulis e-mel tidak rasmi;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir Mata Kompas (MK) dalam pengajaran e-mel tidak rasmi; dan
3. menilai kelakonan pelajar menyusun respons secara berstruktur dalam penulisan e-mel tidak rasmi dengan menggunakan rutin berfikir MK.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan terhadap hasil penulisan pelajar didapati bahawa mereka mampu menggunakan kosa kata yang relevan untuk penulisan e-mel tidak rasmi. Namun, didapati para pelajar masih tidak dapat menggunakan maklumat dari



hasil pemikiran mereka bagi membantu mereka menulis karangan dengan baik. Sehubungan itu, untuk menangani masalah ini, kajian ini dijalankan agar pelajar dapat membina amalan berfikir secara berstruktur dalam melaksanakan tugas dan menggunakan maklumat tersebut dalam penulisan mereka.


KAJIAN LEPAS

Menurut Ron Ritchhart dan David Perkins (2008) dalam rencana mereka bertajuk *Educational Leadership*, terdapat enam prinsip yang menggerakkan konsep MTV. Antara lain, prinsip yang dibincangkan adalah prinsip 'pemikiran mencetuskan pembelajaran' dan sebaliknya. Dalam hal ini, semakin banyak yang difikirkan oleh pelajar, lebih banyak lagi pengetahuan yang boleh diraih. Namun begitu, proses berfikir ini bukanlah usaha individu semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan usaha sama banyak pihak lain termasuk guru dan rakan sedarjah agar konsep-konsep yang lebih sukar dapat digarap oleh pelajar dengan lebih baik.

Menurut mereka lagi, pemikiran yang baik bukan sekadar membina kemahiran, bahkan membentuk kecenderungan. Pelajar perlu bersifat terbuka, sering punya rasa ingin tahu, memberi tumpuan terhadap penemuan baharu, berasa ingin lebih tahu dan juga berimajinasi agar proses berfikir itu menjadi lebih berkualiti. Namun, kajian mereka menunjukkan bahawa para pelajar kurang menggunakan kemahiran-kemahiran yang disebutkan ini. Sehubungan itu, guru perlu lebih berperanan membimbing mereka menggunakan kemahiran-kemahiran ini agar proses berfikir dapat dibina dengan lebih tersusun dan berkualiti. (Perkins dan Ritchhart, 2004; Perkins, Tishman, Ritchhart, Donis dan Andrade, 2000).

Mereka juga menegaskan bahawa untuk memupuk pemikiran, pemikiran itu haruslah dapat diserlahkan. Seorang pemikir yang berkesan lazimnya akan menyampaikan pemikiran mereka dalam bentuk yang lebih jelas, iaitu melalui percakapan, penulisan, lukisan atau apa jua cara yang membolehkan mereka memindahkan pemikiran mereka kepada individu lain. Justeru, MTV menekankan kepentingan menyampaikan sesebuah pemikiran dengan jelas agar dapat didokumentasikan dan juga dimanfaatkan untuk tujuan muhasabah atau ulang kaji pada lain masa.

Arthur L. Costa dan Bena Kallick (2000) yang mengkaji *Habits of Minds* juga menyokong prinsip-prinsip di atas ini secara tidak langsung apabila mereka menyarankan agar proses pembelajaran itu harus disokong oleh *Feedback*



Spirals atau Lingkaran Maklum Balas. Menurut mereka, sepanjang proses berfikir, pelajar juga perlu sentiasa dipandu agar dapat memikirkan apakah sasaran yang ingin mereka capai atau kembali memikirkan tujuan latihan yang sedang mereka laksanakan. Setelah merancang langkah seterusnya atau menjalankan rutin secara bertahap, penting juga bagi pelajar mengambil sedikit masa untuk membuat penilaian terhadap kerja yang telah mereka hasilkan.

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini bersifat eksperimental untuk menguji keberkesanan rutin berfikir MK dalam pengajaran penulisan e-mel tidak rasmi. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Secara kuantitatif, markah e-mel tidak rasmi akan dikumpulkan. Perbandingan dibuat mengikut dua tahap. Pertama, perbandingan dibuat ke atas kohort 2017, bagi melihat perbezaan markah pelajar sebelum dan sesudah didedahkan kepada kemahiran berfikir ini. Perbandingan yang kedua pula dijalankan untuk melihat perbezaan markah pelajar kohort 2017 dengan 2018 sesudah didedahkan kepada kemahiran berfikir ini.

Secara kualitatif, pemerhatian guru terhadap kelakonan dan sumbangan pelajar sepanjang pelajaran dijalankan membentuk sebahagian besar daripada penilaian formatif yang disasarkan. Selain itu, respons pelajar secara bertulis bagi aktiviti rutin berfikir MK juga digunakan sebagai kayu ukur sama ada pelajar telah mampu menggarap kemahiran ini dengan berkesan.

Subjek Kajian

Kajian ini disasarkan kepada empat kelompok pelajar yang berbeza. Pada tahun 2017, seramai 25 pelajar daripada Menengah 1 aliran Ekspres dan 19 pelajar daripada Menengah 1 aliran Normal Akademik terlibat dalam kitaran pembelajaran yang pertama. Pada tahun 2018, seramai 38 pelajar daripada Menengah 1 aliran Ekspres dan 11 pelajar daripada Menengah 1 aliran Normal Akademik terlibat dalam kitaran pembelajaran yang kedua.

Pelajar yang terlibat dalam kitaran yang pertama sudah mempunyai pengalaman menjawab soalan e-mel tidak rasmi. Namun, mereka belum pernah didedahkan pada rutin berfikir MK. Para pelajar yang terlibat dalam kitaran yang kedua pula langsung tiada latar belakang menjawab soalan e-mel tidak rasmi serta belum didedahkan kepada rutin berfikir MK.



Instrumen Kajian

Seperti yang telah dinyatakan, kajian ini menekankan pengajaran rutin berfikir MK yang telah diketengahkan oleh Ritchart R., Church M. dan Morrison K (2011). Kajian ini juga menerapkan konsep Lingkaran Maklum Balas yang diperkenalkan oleh Arthur L. Costa dan Bena Kallick (2000). Dalam hal ini pelajar akan dibimbing oleh guru untuk mengisi lembaran kerja MK berdasarkan soalan e-mel tidak rasmi yang diberikan. Soalan-soalan rangsangan yang diajukan guru juga berfungsi sebagai perancah bagi membantu pelajar menggarap konsep rutin berfikir MK dengan jelas di samping membantu pelajar menyusun pemikiran mereka secara teratur.


Bagi menilai keberkesanan kemahiran berfikir ini pula, rubrik dan senarai semak turut digunakan. Bahan ini dimuatkan dalam aplikasi *Let's Recap*, sebagai satu usaha untuk mengintegrasikan dan melestarikan penerapan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran di luar bilik darjah.

Prosedur Kajian

Kajian ini mengambil masa empat waktu pelajaran. Pelajar dikehendaki menyelesaikan soalan e-mel tidak rasmi secara sendiri setelah proses perbincangan dengan menggunakan rutin berfikir MK dijalankan di dalam bilik darjah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, dapatan kajian mendapati bahawa segolongan pelajar telah berjaya memanfaatkan rutin berfikir MK ini. Jumlah pelajar yang telah berjaya meraih markah lebih baik selepas didedahkan kepada rutin ini ternyata meningkat untuk kedua-dua aliran bagi kohort 2017. Berdasarkan hasil kerja pelajar, didapati pelajar sudah mampu menggunakan rutin berfikir MK bagi menjana idea dengan lebih. Sila rujuk Rajah 2.




**Rajah 2: Contoh Hasil Kerja Pelajar
Penggunaan Rutin Berfikir Mata Kompas**

| Topik: Pengalaman Mengikuti Minggu Orientasi | |
|--|--|
| <p>U Untuk Diketahui Apakah tema/maklumat yang penting untuk didalami agar kamu dapat mengembangkan e-mel respons dengan baik?</p> <p>Pengalaman mengikuti minggu orientasi untuk menolong Hidayah menjalankan sesi kenal suai.</p> | <p>T Terangsang/Teruja Bahagian manakah dalam e-mel pengirim yang akan membuat penerima terangsang untuk memberikan respons?</p> <p>Perenggan 2 – Baris 2 – 4 Perenggan 3 – Baris 3 – 5</p> |
| <p>B Yang membimbangkan Bahagian manakah yang membimbangkan pengirim/penerima e-mel? Mengapa?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengirim tidak tahu bahawa kegiatan-kegiatan yang harus dijalankan sewaktu sesi kenal suai Pengirim belum memikirkan kegiatan yang hendak dijalankan untuk sesi kenal suai bagi anggota baharu. | <p>S Saranan Apakah saranan yang dapat kamu berikan? Apakah kelebihan saranan tersebut?</p> <p>Permainan teka nama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dengan bermain permainan ini mereka akan kenal anggota baru yang lain. <p>Permainan tentang kerjasama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ini akan merapatkan hubungan antara anggota baharu kerana mereka akan kerap bersama. |


Dapatan kajian menunjukkan 52.6% pelajar daripada aliran Normal Akademik kohort 2017 telah berjaya meraih markah yang lebih baik setelah menerapkan rutin berfikir MK dalam merancang penulisan e-mel tidak rasmi mereka. Bagi para pelajar daripada aliran Ekspres kohort 2017 pula, 48% pelajar telah menunjukkan peningkatan dari segi markah yang diraih setelah melalui proses yang serupa.




Rajah 3: Markah Pelajar Menengah 1 Normal Akademik



Rajah 4: Markah Pelajar Menengah 1 Ekspres



Kumpulan pelajar yang mempunyai tahap keupayaan yang rendah telah mendapat markah yang memberangsangkan setelah melalui aktiviti menggunakan rutin ini dalam proses perancangan dan penulisan mereka. Namun, terdapat sebanyak 31.6% daripada para pelajar aliran Normal Akademik kohort 2017 dan 28% daripada pelajar aliran Ekspres kohort 2017 yang mendapat markah lebih rendah daripada markah sebelumnya. Setelah diteliti dari segi kualiti jawapan, para pelajar ini mampu menerapkan rutin berfikir MK. Namun begitu, markah mereka terjejas disebabkan sebilangan pelajar ini belum mampu menyusun isi dengan baik. Selain itu, mereka juga tidak memberikan saranan yang sesuai mengikut kehendak soalan. Ini menjejaskan markah bagi bahagian isi. Jadual 1 dan Jadual 2 merupakan taburan markah yang diraih oleh para pelajar ini.



Jadual 1: Taburan Markah Pelajar 1 Normal Akademik (Kohort 2017)

| Subjek Kajian | Markah Sebelum Didedahkan Pada Rutin Mata Kompas (20 markah penuh) | Markah Setelah Didedahkan Pada Rutin Mata Kompas (20 markah penuh) |
|----------------------|---|---|
| A | 10 | 12 |
| B | 9 | 9 |
| C | 8 | 11 |
| D | 5 | 9 |
| E | 5 | 12 |
| F | 9 | 13 |
| G | 15 | 12 |
| H | 13 | 12 |
| I | 13 | 12 |
| J | 11 | 13 |
| K | 9 | 12 |
| L | 8 | 8 |
| M | 8 | 9 |
| N | 9 | 13 |
| O | 13 | 14 |
| P | 15 | 13 |
| Q | 14 | 14 |
| R | 11 | 10 |
| S | 10 | 9 |

Jadual 2: Taburan Markah Pelajar 1 Ekspres (Kohort 2017)

| Subjek Kajian | Markah Sebelum Didedahkan Pada Rutin Mata Kompas (20 markah penuh) | Markah Setelah Didedahkan Pada Rutin Mata Kompas (20 markah penuh) |
|----------------------|---|---|
| A | 9 | 9 |
| B | 11 | 9 |
| C | 16 | 16 |
| D | 18 | 14 |
| E | 7 | 13 |
| F | 15 | 15 |
| G | 13 | 12 |




| | | |
|---|----|----|
| H | 14 | 13 |
| I | 18 | 16 |
| J | 12 | 11 |
| K | 9 | 11 |
| L | 11 | 11 |
| M | 9 | 9 |
| N | 12 | 12 |
| O | 13 | 15 |
| P | 6 | 10 |
| Q | 14 | 13 |
| R | 11 | 14 |
| S | 11 | 15 |
| T | 8 | 11 |
| U | 12 | 18 |
| V | 8 | 14 |
| W | 10 | 17 |
| X | 12 | 16 |
| Y | 10 | 11 |

KESIMPULAN

Tidak dinafikan, rutin berfikir MK perlu digunakan dengan kerap bagi membiasakan pelajar memahaminya.. Sehubungan itu, guru perlu sentiasa memainkan peranan aktif untuk menyemak pemahaman pelajar. Lembaran kerja yang baik juga perlu diberikan penekanan agar visual bercetak yang dihasilkan oleh guru dapat berfungsi sebagai perancah yang berkesan bagi membantu proses pembelajaran para pelajar. Guru perlu meneliti faktor lain yang telah menjejaskan kelakonan para pelajar ini. Contohnya darjah kepayahan soalan atau tidak memberikan masa yang mencukupi untuk melengkapkan tugas. Bagi memastikan pelajar dapat menggunakan rutin berfikir ini secara efektif, guru harus memberikan lebih banyak peluang kepada para pelajar menggunakan rutin ini dalam pembelajaran mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Janisah Zainal



RUJUKAN

Arthur L. Costa, Bena Kallick (2000). *Discovering and exploring habits of mind*. Alexandria Virginia USA: Association for Supervision and Curriculum Development

Arthur L. Costa, Bena Kallick (2000). *Assessing and reporting on habits of mind, Book 3*. Alexandria Virginia USA: Association for Supervision and Curriculum Development

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey Bass.

Susan M. Brookhart (2014). *How to design questions and tasks to assess student thinking*. Alexandria, Virginia USA: Association for Supervision and Curriculum Development.

<https://www.linkedin.com/pulse/why-worksheets-important-young-minds-sam-path-kumar>

http://www.visiblethinkingpz.org/VisibleThinking_html_files/06_AdditionalResources/makingthinkingvisibleEL.pdf

